

Pengarah kes direman kes salah guna jawatan

→ Beri projek kepada syarikat milik anak

Oleh **Hadzlihady Hassan**
hadzlihady@hmetro.com.my

✦ **Georgetown**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahang seorang pengarah sebuah agensi kerajaan di sini semalam.

Sumber berkata, pengarah lelaki berusia 58 tahun itu ditahan di pejabat SPRM jam 8.10 pagi.

Beliau berkata pengarah terbabit dipercayai menyalahgunakan jawatannya dengan memberikan projek kepada syarikat milik anaknya sendiri.

“Pengarah terbabit didapati

Pengarah terbabit didapati mencadangkan syarikat anaknya untuk sistem kelas Tabika Perpaduan Pulau Pinang kepada Jawatankuasa penilaian Sebutarga Perkhidmatan Sistem EDU KIDS yang bernilai RM45,472”

Sumber



[FOTO DANIAL SAAD /BH]

Pengarah sebuah agensi kerajaan diiringi pegawai SPRM untuk mendapatkan perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Georgetown, semalam.

mencadangkan syarikat anaknya untuk sistem kelas Tabika Perpaduan Pulau Pinang kepada Jawatankuasa penilaian Sebutarga Perkhidmatan Sistem EDU KIDS yang bernilai RM45,472.

“Anak lelakinya yang berusia 27 tahun turut ditahan kira-kira jam 10.30 pagi semalam (kelmarin) di Ipoh, Perak dan direman hari ini

(semalam),” katanya.

Baju lokap

Sementara itu, pengarah terbabit dibawa ke Mahkamah Majistret Georgetown jam 2.45 petang, semalam dengan memakai baju lokap SPRM.

Lelaki terbabit kemudian dilihat keluar selepas kira-kira 20 minit

kemudian dengan diiringi pegawai SPRM.

Dia dilihat menunduk kepala bagi mengelak wajahnya dirakam jurugambar.

Majistret Rosnee Mohd Radzuan membenarkan tempoh reman selama enam hari terhadap suspek bagi membantu siasatan dalam kes itu.